

06 OCT 2003

LIMA-JAMIN

PESERTA GEMBIRA JAMINAN KERAJAAN LIMA AKAN DITERUSKAN

Oleh: Mohd Arshi Daud

LANGKAWI, 6 Okt (Bernama) -- Syarikat-syarikat antarabangsa, yang sebahagiannya telah menyertai Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA) sejak ianya dimulakan pada 1991, gembira dengan jaminan kerajaan bahawa acara itu akan diteruskan walaupun selepas persaraan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Jaminan itu dibuat oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan mengambil alih jawatan perdana menteri pada hujung bulan ini.

"Kami gembira LIMA akan diteruskan," kata pengarah jualan dan pemasaran Ericsson Microwave Systems AB, Goran Gregerstrom.

"Kami dapat menemui pegawai atasan Kementerian Pertahanan, ketua angkatan tentera dan juga syarikat yang kadang kala bersaing dengan kami dan kadang kala bekerjasama untuk membida kontrak dengan kami," katanya.

"Di tempat ini, kita menemui orang dari syarikat lain. Saya percaya mereka juga akan terus datang ke sini," katanya kepada Bernama di LIMA ketujuh yang berakhir semalam.

Ericsson adalah antara yang sering menyertai acara dua tahun sekali ini. LIMA telah memberi sumbangan baru samada secara langsung atau tidak langsung kepada jualan syarikat, katanya.

"Kehadiran kami penting, bukan sahaja untuk Malaysia tetapi untuk rantau Asia Tenggara," katanya.

Bagi Saab AB pula, naib presiden kanannya, Bo Rastedt, berkata: "Kami juga menemui orang dari Thailand, Singapura, Filipina dan Indonesia. Mereka adalah pelanggan yang datang ke sini."

Saab yang tidak pernah ketinggalan sejak LIMA yang pertama, dapat menemui "orang-orang penting di Malaysia" di tempat yang sama kerana mereka semuanya berkumpul di sini, katanya.

"Untuk anda berbuat begitu di Kuala Lumpur, anda akan menghabiskan masa setengah tahun," tambahnya.

Beliau juga berkata Langkawi merupakan tempat terbaik untuk mengadakan acara ini kerana kemudahan lapangan terbang dan pelabuhan yang "tidak begitu sibuk" dan lokasinya yang jauh dari kawasan berpendudukan tinggi yang membolehkan pertunjukkan udara diadakan.

"Ia merupakan tempat yang menarik orang datang, dan di Langkawi kita boleh datang untuk pameran ini dan untuk bercuti," katanya.

The Boeing Company juga tidak pernah ketinggalan untuk menyertai LIMA dan menganggapnya sebagai pelantar yang penting untuk memperkukuhkan kedudukan di Asia Tenggara dan di kalangan pelanggan di Malaysia.

"Apa yang penting di pameran seperti ini kepada syarikat seperti Boeing adalah kita lihat peluang untuk mengembangkan kedudukan dan pusat perniagaan di rantau ini," kata Anthony M Parasida, naib presiden program F/A-18 Boeing Integrated Defence Systems.

Dengan menyertai LIMA, Boeing berpeluang untuk mengadakan hubungan dengan syarikat tempatan yang berkeupayaan untuk mengadakan program pemindahan teknologi.

"Kami telah memeterai MOU (memorandum persefahaman) di sini dan telah berunding bagaimana kami dapat mempererat hubungan dengan industri-industri di Malaysia," katanya.

LIMA juga memberikan syarikat yang menyertainya akses mudah kepada pegawai-pegawai atasan, khususnya syarikat yang hendak menjual produk mereka kepada kerajaan.

"Perdana menteri meluangkan masa 30 minit dalam kokpit F/A-18 yang

dipamerkan. Akses seperti ini tidak akan dapat tanpa pameran seperti LIMA," tambahnuya.

David A Jones, pengarah serantau Roll-Royce bagi Malaysia, berkata bagi syarikatnya, LIMA adalah satu cara untuk mempamerkan komitmen syarikat kepada Malaysia.

"Kami meninggikan profil kami di negara ini. Malaysia adalah pasaran yang penting untuk kami," tambahnuya. -- BERNAMA

MAD SM SD JR